

GARIS PANDUAN DANA PENERBITAN BUKU UKM (DPB)

1. Dana Penerbitan Buku (DPB) merupakan dana khusus untuk penerbitan buku penyelidikan yang dibuka kepada semua kakitangan akademik aktif UKM. Pengarang yang akan bersara pada tahun semasa tidak dibenarkan membuat permohonan.
2. Manuskrip (salinan lembut) yang diserahkan kepada Penerbit UKM mestilah lengkap mengikut gaya Penerbit UKM (rujuk *Panduan Penyediaan Manuskrip Buku dan Jurnal Penerbit UKM Edisi Ke-2*).
3. Manuskrip mestilah mengandungi sekurang-kurangnya 30,000 patah perkataan (tidak termasuk bahagian awalan dan rujukan). Jumlah minimum bab bagi karya asli dan karya tesis kepada buku (T2B) adalah empat (4) bab, manakala karya suntingan mestilah mengandungi sekurang-kurangnya lapan (8) bab. Sekiranya manuskrip tidak mencapai ketetapan minimum yang ditetapkan, maka permohonan tidak akan diproses.
4. Bagi permohonan melibatkan karya T2B, manuskrip hendaklah dirombak kepada bentuk buku mengikut gaya Penerbit UKM (rujuk *Panduan Penyediaan Manuskrip Buku dan Jurnal Penerbit UKM Edisi Ke-2*).
5. Manuskrip yang dihantar untuk permohonan DPB perlu melalui proses penilaian terlebih dahulu dan penilaian hendaklah diuruskan oleh PTj masing-masing (rujuk borang penilaian manuskrip bagi [karya asli/suntingan](#) dan [karya T2B](#)).
6. Permohonan hendaklah dikemukakan bersama:

Jenis Karya	Dokumen Sokongan
Asli/Suntingan	<ol style="list-style-type: none"> Laporan penilaian menggunakan Borang Penilaian Manuskrip* Jadual penambahbaikan (berdasarkan laporan penilaian) Senarai Semak Penghantaran Manuskrip (Karya Ilmiah)* Borang Persetujuan Penerbitan Karya Asli/Suntingan*
Tesis ke Buku (T2B)	<ol style="list-style-type: none"> Laporan pemeriksa tesis Surat Senat/Transkrip akademik Laporan penilaian menggunakan Borang Penilaian Karya Tesis kepada Buku* Jadual penambahbaikan (berdasarkan laporan penilaian) Senarai Semak Penghantaran Manuskrip (Karya Ilmiah)* Borang Persetujuan Penerbitan Tesis kepada Buku*

* Boleh dimuat turun daripada laman sesawang Penerbit UKM (<https://www.ukm.my/penerbit/borang/>)

Sekiranya manuskrip tidak disertakan bersama dokumen sokongan yang ditetapkan, maka permohonan dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses.

7. Penulisan hanya dibenarkan dalam satu bahasa sahaja, sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
8. Jumlah pengarang/penyunting bagi setiap manuskrip tidak boleh melebihi tiga (3) orang.
9. Pemohon tidak dibenarkan menghantar lebih daripada satu permohonan.
10. Manuskrip yang berjaya memperoleh DPB perlu diterbitkan pada tahun semasa. Sekiranya gagal diterbitkan pada tahun tersebut, dana akan ditarik balik.
11. Penerbit UKM berhak menolak permohonan sekiranya terdapat maklumat/dokumen yang tidak lengkap/tidak benar.
12. Keputusan permohonan DPB akan dimaklumkan secara rasmi menerusi e-mel dan laman sesawang Penerbit UKM.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Urus setia
Dana Penerbitan Buku Penerbit UKM
E-mel: urusetiadpbpenerbit@ukm.edu.my
No. tel: 03-89214975/5370

Disediakan oleh:
Penerbit UKM
20 Mei 2026